

**PLUS LAKSANA KERJA PENAMBAHBAIKAN TURAPAN JALAN
DI LALUAN MASUK PLAZA TOL BANDAR BARU NILAI UNTUK
BERI LEBIH KESELESAAN**

Petaling Jaya, 15 Ogos 2025:- Dalam usaha memberi lebih keselesaan kepada pengguna lebuhraya, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) akan menjalankan kerja penambahbaikan turapan jalan di Plaza Tol Bandar Baru Nilai di KM283.80 di Lebuhraya Utara-Selatan.

Sehubungan itu, satu lorong di **laluan masuk Plaza Tol Bandar Baru Nilai akan ditutup sementara mulai jam 10.00 malam, pada 16 Ogos 2025 hingga jam 2.00 petang, 17 Ogos 2025.**

(Sila rujuk infografik seperti di lampiran)

Pengguna lebuhraya disaran supaya merancang perjalanan mereka dengan menggunakan Aplikasi PLUS untuk mendapatkan maklumat trafik terkini. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik, Paparan Mesej Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:**Mashitah Mohd Arshad**

Pemangku Ketua
Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 013-2097092
Emel: mashitah@plus.com.my


Rofina Adam

Pengurus
Komunikasi Korporat
PLUS Malaysia Berhad
Telefon Bimbit: 012-657 4452
Emel: rofina@plus.com.my

LAMPIRAN

PENUTUPAN SEMENTARA 1 LORONG MASUK LALUAN KENDERAAN BERAT & LEBAR DI PLAZA TOL BANDAR BARU NILAI BAGI KERJA-KERJA PENAMBAHBAIKAN TURAPAN JALAN

Dijadualkan pada 10.00 malam, 16 Ogos hingga 2.00 petang, 17 Ogos 2025



Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my [PLUSLine 1800-88-0000](https://www.plus.com.my/plusline) [Aplikasi PLUS](https://www.plus.com.my/aplikasi-plus) [PUTRI](https://www.putri.com.my)



Ahli Kumpulan UEM